

**PERSATUAN DARUL RIDZUAN  
DI SELANGOR & WILAYAH PERSEKUTUAN**

(PPM 005-14-09051962)

**Minit Mesyuarat Agung**  
yang bersidang di  
**Dewan Taming Sari**  
**De Boutique MOCCIS Hotel.**  
**Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), Kuala Lumpur**  
pada  
**Hari Sabtu, 26 April 2025**  
pukul **11.00 pagi**

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Dato' Seri Abdul Azim Bin Mohd Zabidi.

KUORUM

Bilangan ahli yang hadir adalah 56 orang. Selaras dengan peruntukan Fasal 20(b) Perlembagaan Persatuan, Dato' Seri Pengerusi mengisytiharkan bahawa Mesyuarat Agung telah memenuhi kuorum dan wajar bersidang.

BACAAN DOA

Bagi memberkati mesyuarat, majlis dimulakan dengan bacaan doa yang diketuai oleh Megat Iskandar Bin Megat Zaharuddin

ALUAN PENGERUSI

Dato' Seri Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan. Juga merakamkan aluan kepada wakil-wakil Mahasiswa Anak-Anak Perak yang hadir sebagai pemerhati.

LAPORAN SETIAUSAHA

Megat Iskandar Bin Megat Zaharuddin – Setiausaha Persatuan ini telah membentangkan laporan mengenai aktiviti Persatuan sepanjang 2023:

Keahlian Persatuan

Ahli-Ahli yang telah meninggal dunia pada tahun 2024:

Dato' Ir Hj Azizuddin Bin Meor Hamzah

IGP(B) Tun Mohd Haniff Bin Omar

En S Yalit Bin Hashim

Ir Hj Megat Zaharuddin Atterawis Bin Megat Shamsudin

Ahli-Ahli Baharu yang telah diluluskan keahliannya pada tahun 2024:

27 Ahli Baharu (9 Seumur Hidup & 18 Biasa)

Jumlah keahlian =  $2017 - 4 + 27 = 2040$  orang

Keahlian aktif = 123

[masih dalam proses *data cleansing*]

#### Aktiviti Sepanjang Tahun 2024

20 Mac 2024

Program menyantuni asnaf, OKU, ibu Tunggal dan anak yatim kelahiran negeri Perak yang bermastautin di sekitar Petaling Jaya – diketuai oleh Datin Sri Ismalina Binti Ismail dan dibantu beberapa AJK PDR

4 April 2024

Iftar di Kediaman Dato' Seri Abdul Azim Bin Mohd Zabidi.

Meraikan ibu tunggal dan anak-anak yatim

17 November 2024

Majlis Santapan Diraja 'Dirgahayu Tuanku' sempena Ulang Tahun ke-10 Pemerintahan DYMM Paduka Seri Sultan Perak XXXV – diketuai oleh Dato' A Aziz Bin Mat

17 November 2024

Pelancaran Buku 'Salasilah Raja-Raja Perak'

#### LAPORAN BENDAHARI

En Azizullaili Bin Dato' Seri Jalaluddin – Bendahari Persatuan, telah membentangkan laporan kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

#### LAIN-LAIN HAL

Mesyuarat mengambil kesempatan untuk bersuaikenal bersama wakil-wakil Mahasiswa Anak-Anak Perak yang hadir. Mereka terdiri daripada Mahasiswa Perak yang kini menuntut di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia.


Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.30 tengah hari.

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:



MEGAT ISKANDAR BIN MEGAT  
ZAHARUDDIN



DATO' SERI ABDUL AZIM  
BIN DATO' MOHD ZABIDI